

Hishammuddin desak Kuan Yew henti kritik

Pemuda anggap kenyataan taktik lapuk takutkan warga Singapura

Oleh Azman Zakaria

KUALA LUMPUR: Pergerakan Pemuda Umno mendesak Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew berhenti membuat kenyataan yang langsung tidak menghiraukan perasaan negara jiran, berbaur hasutan serta boleh menjejaskan keharmonian kaum di Malaysia.

Sambil menganggap kenyataan Kuan Yew sebagai taktik lapuk yang sering digunakan untuk menakutkan rakyat Singapura sendiri, Ketua pergerakan itu, Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata, adalah menjadi kebiasaan bekas Perdana Menteri Singapura itu membuat kritikan dan memomok-momokkan Malaysia untuk lebih mengukuhkan kedudukannya dan Parti Tindakan Rakyat (PAP).

Katanya, kenyataan itu ternyata tidak benar seperti daripada sudut

pendidikan kerana ketika menjadi Perdana Menteri, Kuan Yew menutup semua sekolah Cina di negara itu sedangkan kerajaan Malaysia sehingga hari ini masih membenarkan sekolah Cina, termasuk sekolah persendirian terus beroperasi di negara ini.

"Singapura sepatutnya bersyukur kerana mempunyai jiran yang baik seperti Malaysia dan Asean," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

Pada 15 September lalu, Kuan Yew membuat kenyataan di Singapura yang menyentuh layanan Malaysia dan Indonesia terhadap kaum Cina di kedua-dua negara.

Beliau mendakwa Malaysia dan Indonesia mempunyai masalah dengan kaum Cina di negara masing-masing kerana etnik itu berjaya serta bekerja kuat, justeru mereka dipinggirkan secara sistematik.

Sabtu lalu, Perdana Menteri, Datuk

Seri Abdullah Ahmad Badawi pada sidang media sekembali daripada lawatan kerja luar negara, mahu Kuan Yew memberi penjelasan mengenai kenyataannya itu yang dianggap bo-

“ *Pemuda Umno menyarankan Kuan Yew dan kerajaan Singapura lebih berhati-hati mengeluarkan kenyataan kerana ia boleh menjejaskan hubungan dua hala kedua-dua negara”*

Hishammuddin Hussein
Ketua Pergerakan Pemuda Umno

leh menghasut rakyat kaum Cina di negara ini.

Abdullah berkata, beliau akan mengutus surat kepada Kuan Yew bagi mendapatkan penjelasan.

Hishammuddin yang juga Menteri Pelajaran berkata, Barisan Nasional (BN) mempunyai strategi dan pendekatan tersendiri untuk mentadbir masyarakat majmuk Malaysia.

"Sekiranya Singapura tidak pernah menghiraukan komen atau pandangan pemimpin Malaysia terhadap kehidupan dan status Melayu di Singapura, maka Pemuda Umno meminta Kuan Yew supaya sedar diri dan tidak masuk campur dalam hal ehwal pentadbiran di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, BN lebih berpengalaman dalam aspek mengurus masyarakat pelbagai kaum dan BN sudah lama mempraktikkan formula perkongsian kuasa dalam kerajaan.